

JENERAL Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin (kanan) melawat gerai pameran pada Karnival Maal Hijrah ATM sambil diiringi Kamaruddin Mamat (dua dari kanan) di Masjid Khalid Al-Walid, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

# Ambil berkat bulan mulia

Karnival Maal Hijrah ATM, USIM sarat pelbagai pengisian menarik

**T**IDAK ketinggalan bagi meraikan sambutan Maal Hijrah baru-baru ini, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan kerjasama Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan Karnival Maal Hijrah di Masjid Khalid al-Walid, Kuala Lumpur. Selain menyediakan sebanyak 50 gerai jualan di sekitar perkarangan masjid, karnival yang berlangsung selama tiga hari itu turut dimuatkan

## peristiwa

Oleh **MOHD. SHAH CHE AHMAD**  
[agama@utusan.com.my](mailto:agama@utusan.com.my)

dengan pelbagai aktiviti serta pengisian keagamaan bagi mengambil keberkatan sempena kedatangan tahun baru hijrah.

Ketua Pengarah Kagat, Datuk Kamaruddin Mamat berkata, selain bagi meraikan sambutan Maal Hijrah dengan mengadakan program yang bermanfaat bersama orang ramai, karnival turut diadakan bagi melahirkan golongan tentera yang bersahsiah tinggi rohani dan jasmani.

"Karnival ini merupakan acara yang julung kalinya diadakan oleh pihak ATM dengan kerjasama USIM. Pelbagai aktiviti menarik seperti pertandingan bagi kanak-kanak dan dewasa, ceramah agama dan juga persembahan nasyid oleh artis terkemuka tanah air.

"Selain itu juga, sambutan Maal Hijrah di peringkat ATM ini mempunyai tiga tahap iaitu Karnival Maal Hijrah ini dan Anugerah Tokoh Maal Hijrah peringkat ATM serta disusuli dengan program larian Jogathon. Ia bagi melahirkan anggota

tentera yang bukan sahaja hebat dalam aspek jasmani malah mempunyai sahsiah dan kerohanian yang tinggi," katanya

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas pelancaran Karnival Maal Hijrah ATM, baru-baru ini. Majlis pelancaran disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin.

Antara tokoh agama dan selebriti yang dijemput hadir pada majlis itu termasuk Mufti Wilayah Persekutuan, Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri; penceramah bebas, Dr. Farhan Hadi, Fatimah Syarha Nordin, selebriti Asyraf Muslim, Heliza Helmi dan kumpulan nasyid UNIC.

Sementara itu, penyelaras karnival mewakili USIM, Zainul Akmal Nurhudawi, 22, berkata, kerjasama itu melatih pelajar bagi menceburi dunia perniagaan yang sebenar, di samping bersempena pesta konvokesyen USIM kali ke-10 yang bakal diadakan.

"Kerjasama yang diadakan bersama pihak ATM ini memberi peluang kepada pelajar terutamanya dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat untuk mendapat pendedahan perniagaan sebenar serta mempraktikkan teori yang dipelajari di dalam kuliah," katanya.